



**ROH  
KUDUS**

*Siri Asas Kepercayaan Kristian*

# **Roh Kudus**

## **Siri Asas Kepercayaan Kristian**

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.


Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

# Roh Kudus



“Tetapi apabila Roh yang menunjukkan apa yang benar tentang Allah itu datang, Roh akan membimbing kamu supaya mengetahui segala kebenaran itu. Roh tidak akan mengatakan apa-apa menurut kehendak-Nya sendiri. Dia akan mengatakan apa yang didengar-Nya dan memberitahu kamu perkara-perkara yang akan berlaku. Roh akan memuliakan Aku, kerana apa yang dinyatakan oleh Roh kepada kamu, diterima daripada Aku.  
(Yohanes 16:13-14)

**D**engan pengangkatan Kristus ke syurga, kita mempunyai kedatangan Roh Kudus (Yohanes 14:26; Kisah Rasul-Rasul 2) yang melayani Gereja dengan pengantaraan Kristus (1 Timotius 2:5) dan Kitab Suci. Jika Allah Bapa bekerja dalam penciptaan dan pemeliharaan, dan Allah Anak bekerja dalam penebusan dosa umat manusia, Allah Roh Kudus bekerja dalam menerapkan karya penebusan pada ciptaan-Nya sehingga kita memperoleh keselamatan. Untuk itulah mengapa kita harus memahami pentingnya doktrin atau ajaran mengenai Roh Kudus. Melalui Roh Kuduslah, karya Allah Tritunggal nyata dalam diri orang percaya. Dia aktif bekerja dan tinggal di dalam kita.

## A. Siapakah Roh Kudus?

### 1. Roh Kudus Adalah Satu Peribadi

Roh Kudus sering disalah anggap sebagai satu benda. Ini membawa kepada tanggapan bahawa Roh Kudus adalah sebuah kuasa, konsep atau benda yang tidak berunsur peribadi. Namun begitu, Alkitab menggambarkan Roh Kudus dengan ciri-ciri dan tindakan yang hanya dimiliki oleh satu peribadi. Berikut adalah beberapa petikan Alkitab yang mengesahkan kebenaran ini:

Dari petikan-petikan berikut, tuliskan apa yang dinyatakan tentang Roh Allah:

<sup>10</sup>Tetapi melalui Roh-Nya, Allah menyatakan rancangan-Nya kepada kita. Roh Allah menyelidiki segala sesuatu, bahkan rancangan Allah yang paling tersembunyi sekalipun. <sup>11</sup>Sebagaimana roh seseorang mengetahui isi hati orang itu, begitu juga hanya Roh Allah mengetahui segala sesuatu tentang Allah. (1 Kor 2:10,11)

1 Korintus 2:10,11

“Dan janganlah kamu mendukakan Roh Kudus Allah, yang telah memeteraikan kamu menjelang hari penyelamatan.”  
(Ef 4:30)

Efesus 4:30

“Tetapi semuanya dilakukan oleh Roh yang sama juga. Dia memberi setiap orang kurnia yang berlainan menurut kehendak-Nya sendiri.” (1 Kor 12:11)

1 Korintus 12:11

“Oleh itu, ketika kami menjelaskan hal-hal tentang Allah kepada orang yang mempunyai Roh Allah, kami tidak berkata-kata menurut kebijaksanaan manusia, tetapi menurut ajaran Roh Allah.”  
(1 Kor 2:13)

1 Korintus 2:13

“Begitu juga Roh Allah datang menolong kita yang lemah ini. Kita tidak tahu bagaimana kita patut berdoa; Roh itu sendiri bermohon kepada Allah dengan erangan yang tidak dapat diutarakan dengan kata-kata.” (Rm 8:26)

Roma 8:26

“Tetapi Roh Allah, Penolong yang akan diutus oleh Bapa demi nama-Ku, akan mengajar kamu segala-galanya dan akan mengingatkan kamu segala yang telah Aku katakan kepada kamu.”  
(Yoh 14:26)

## Yohanes 14:26

Petikan-petikan di atas menunjukkan bahawa Roh Kudus sangat aktif dalam mengajar, mencari, membimbing dan mendoakan. Perkara-perkara ini hanya mampu dilakukan oleh satu peribadi. Oleh itu Roh Kudus ialah satu peribadi.

### 2. *Roh Kudus adalah Allah*

Terdapat satu lagi tanggapan yang salah tentang Roh Kudus. Roh Kudus sering dianggap lebih rendah daripada Allah. Tetapi Alkitab mengesahkan bahawa Roh Kudus ialah Allah.

Rujuk petikan-petikan Alkitab berikut dan senaraikan beberapa ciri Roh Kudus. Pertimbangkan peribadi yang bagaimanakah mempunyai ciri-ciri tersebut.

“Jika orang dapat disucikan dengan cara itu, darah Kristus lebih berkuasa pula! Melalui Roh yang kekal, Kristus mempersembahkan diri-Nya sendiri kepada Allah sebagai korban yang sempurna. Darah-Nya akan menyucikan hati nurani kita daripada upacara agama yang sia-sia, supaya kita boleh mengabdikan diri kepada Allah yang hidup.” (Ibr 9:14)

Ibrani 9:14

“Sebagaimana roh seseorang mengetahui isi hati orang itu, begitu juga hanya Roh Allah mengetahui segala sesuatu tentang Allah.”  
(1 Kor 2:11)

1 Korintus 2:11

“Ke mana aku dapat pergi menjauhi roh-Mu, ke mana aku dapat lari dari hadapan-Mu?” (Mzm 139:7)

Mazmur 139:7

“Bumi belum berbentuk dan kosong; gelap gulita menutupi samudera raya, dan Roh Allah melayang-layang di atas permukaan air.”  
(Kej 1:2)

Kejadian 1:2

“Jawab malaikat itu kepadanya: “Roh Kudus akan turun atasmu dan kuasa Allah Yang Mahatinggi akan menaungi engkau; sebab itu anak yang akan kaulahirkan itu akan disebut kudus, Anak Allah.” (Luk 1:35)

Lukas 1:35

Petikan-petikan tersebut menunjukkan bahawa Roh Kudus adalah kekal serta memberikan kehidupan. Dia hadir bersama Allah sewaktu dunia diciptakan. Dia ada di mana-mana. Tiada manusia yang mempunyai kebolehan seperti ini. Alkitab sememangnya menganggap Roh Kudus sebagai Allah.


### **3. *Roh Kudus adalah Peribadi Ketiga Tritunggal***

Kesimpulan ini dibuat berdasarkan dua fakta sebelum ini. Sekiranya Roh Kudus adalah satu peribadi yang juga bersifat ilahi, maka Dia semestinya adalah Allah. Oleh kerana hanya ada satu Allah, maka Roh Kudus mestilah salah satu peribadi dalam Tritunggal.

Amanat Agung yang terdapat di dalam Matius 28:19 merujuk kepada hanya satu nama tunggal Allah sebagai Bapa, Anak dan Roh Kudus. Istilah ‘Roh’ dan ‘Allah’ juga sering diguna-pakai secara bersilih ganti di beberapa bahagian seperti di Kisah Rasul-Rasul



5:3-4, di mana Petrus menyatakan seseorang yang berbohong kepada Roh Kudus adalah sama seperti berbohong kepada Allah.



## B. Apakah Pekerjaan Roh Kudus?

### 1. Dia Aktif di Zaman Perjanjian Lama

Roh Kudus tidak muncul secara tiba-tiba di zaman Perjanjian Baru. Dia telah ada malah aktif sewaktu di zaman Perjanjian Lama. Di dalam Kejadian 1:2, kita mendapati bahawa Roh Allah melayang-layang di atas permukaan air, di bumi yang masih belum dibentuk. Dia terlibat secara aktif dalam Penciptaan.

Rujuk ayat-ayat di Perjanjian Lama yang berikut untuk mengetahui bagaimana Roh Kudus telah bekerja di zaman tersebut. Senaraikan semua pekerjaan-Nya:

“Roh TUHAN berfirman melalui aku; firman-Nya ada pada bibirku.”  
(2 Sam 23:2)

2 Samuel 23:2

“Lalu TUHAN berfirman kepada Musa: “Ambillah Yosua bin Nun, seorang yang penuh roh, letakkanlah tanganmu atasnya...”  
(Bil 27:18)

Bilangan 27:18

<sup>2</sup>Lihat, telah Kutunjuk Bezaleel bin Uri bin Hur, dari suku Yehuda,  
<sup>3</sup>dan telah Kupenuhi dia dengan Roh Allah, dengan keahlian dan pengertian dan pengetahuan, dalam segala macam pekerjaan....  
(Kel 31:2,3)

Keluaran 31:2,3

Sejak dari awal lagi Roh Kudus telah bekerja aktif menerusi manusia. Dia memberi mereka kebijaksanaan, kemahiran dan kepimpinan.

## **2. Dia ialah Penulis dan Pemberi Ilham Kitab Suci**

2 Petrus 1:20,21 memberitahu kita bahawa Roh Kudus memberikan inspirasi kepada nubuatan. 2 Timotius 3:16 menyatakan bahawa Kitab Suci merupakan hembusan nafas Allah. Allah menghembuskan Firman-Nya melalui Roh Kudus yang kemudiannya mengilhamkan manusia.

<sup>20</sup>Yang terutama harus kamu ketahui, ialah bahwa nubuat-nubuat dalam Kitab Suci tidak boleh ditafsirkan menurut kehendak sendiri, <sup>21</sup>sebab tidak pernah nubuat dihasilkan oleh kehendak manusia, tetapi oleh dorongan Roh Kudus orang-orang berbicara atas nama Allah. (2 Ptr 1:20,21)

Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran.  
(2 Tim 3:16)


## **3. Dia Memuliakan Kristus**

Baca Yohanes 16:12-14. Apakah yang diajar oleh ayat-ayat ini tentang perhubungan di antara pekerjaan Roh Kudus dan Yesus Kristus?

<sup>12</sup>Banyak lagi yang hendak Aku katakan kepada kamu, tetapi sekarang ini kamu belum sanggup menerimanya. <sup>13</sup>Tetapi apabila Roh yang menunjukkan apa yang benar tentang Allah itu datang, Roh akan membimbing kamu supaya mengetahui segala kebenaran itu. Roh tidak akan mengatakan apa-apa menurut kehendak-Nya sendiri. Dia akan mengatakan apa yang didengar-Nya dan memberitahu kamu perkara-perkara yang akan berlaku. <sup>14</sup>Roh akan memuliakan Aku, kerana apa yang dinyatakan oleh Roh kepada kamu, diterima daripada Aku.  
(Yoh 16:12-14)

Roh Kudus hanya mahu meninggikan Yesus Kristus dan bukan Diri-Nya sendiri. Kita harus berwaspada terhadap pelayanan Kristian yang tidak memuliakan dan meninggikan Yesus Kristus kerana itu bukanlah apa yang dilakukan oleh Roh Kudus.

#### **4. Dia Mengaplikasikan Keselamatan kepada Umat Allah**



Yesus memberikan keselamatan kepada kita menerusi inkarnasi-Nya sebagai seorang manusia, kehidupan, kematian, kebangkitan, pengangkatan kepada Allah serta doa syafaat-Nya. Pekerjaan Roh Kudus pula ialah mengaplikasikan keselamatan ini kepada umat Allah.

Baca ayat-ayat Alkitab yang berikut dan ketahui bagaimana Roh Kudus bekerja:

“Apabila Dia datang kelak, Dia akan membuktikan kepada orang dunia bahawa pendapat mereka tentang dosa, tentang apa yang benar, dan tentang hukuman Allah, semuanya salah.” (Yoh 16:8)

Yohanes 16:8

“Dia menyelamatkan kita, bukan kerana perbuatan baik kita, tetapi kerana belas kasihan-Nya. Allah menyelamatkan kita melalui Roh-Nya, yang mengurniai kita kelahiran baru dan hidup baru dengan membasuh kita.” (Tit 3:5)

Titus 3:5

<sup>19</sup>Atau tidak tahukah kamu, bahwa tubuhmu adalah bait Roh Kudus yang diam di dalam kamu, Roh Kudus yang kamu peroleh dari Allah, --dan bahwa kamu bukan milik kamu sendiri? <sup>20</sup>Sebab kamu telah dibeli dan harganya telah lunas dibayar: Karena itu muliakanlah Allah dengan tubuhmu! (1 Kor 6:19,20)

1 Korintus 6:19,20

“Demikian juga kita semua, baik orang Yahudi mahupun orang bukan Yahudi, baik hamba mahupun orang bebas; kita semua sudah dibaptis oleh Roh yang sama, supaya kita menjadi satu tubuh. Allah sudah mencurahkan Roh yang sama itu kepada kita.”  
(1 Kor 12:13)

## 1 Korintus 12:13

<sup>13</sup>Kamu juga menjadi umat Allah, ketika kamu mendengar berita tentang ajaran benar iaitu Berita Baik yang membawa penyelamatan kepada kamu. Kamu percaya kepada Kristus, dan untuk menunjukkan bahawa kamu milik Allah, Allah mengurniai kamu Roh-Nya yang telah dijanjikan-Nya itu. <sup>14</sup>Roh itu jaminan bahawa kita akan menerima apa yang telah dijanjikan oleh Allah kepada umat-Nya. Hal itu meyakinkan kita bahawa Allah akan membebaskan umat-Nya dengan sepenuhnya. Marilah kita memuji kemuliaan-Nya! (Ef 1:13-14)

## Efesus 1:13,14

Roh Kudus menyedarkan umat Allah akan dosa, memperbaharui jiwa yang ‘mati’, mendiami serta memeteraikan umat Allah dan membaptiskan (menyatukan) mereka ke dalam satu tubuh Kristus.

## 5. Dia ialah Penolong Kita

Di dalam bahasa asal Perjanjian Baru, Roh Kudus dipanggil sebagai “*paraklete*”, yang bermaksud penghibur, kaunselor, ataupun penolong.

Ayat-ayat berikut menunjukkan perkara-perkara yang dilakukan oleh Roh Kudus untuk kita:

“Roh Allah bersama dengan roh kita menyatakan bahawa kita anak-anak Allah.” (Rm 8:16)

Roma 8:16

“Kita tidak menerima roh dunia ini, tetapi kita menerima Roh Allah, supaya kita mengetahui semua yang telah dikurniakan Allah kepada kita.” (1 Kor 2:12)

1 Korintus 2:12

<sup>26</sup>Begitu juga Roh Allah datang menolong kita yang lemah ini. Kita tidak tahu bagaimana kita patut berdoa; Roh itu sendiri bermohon kepada Allah dengan erangan yang tidak dapat diutarakan dengan kata-kata. <sup>27</sup>Allah yang mengetahui isi hati manusia, mengerti apa yang dimaksudkan oleh Roh itu, kerana Roh itu bermohon kepada Allah bagi umat-Nya, sesuai dengan kehendak Allah. (Rm 8:26,27)

Roma 8:26,27

Dari petikan-petikan di atas, kita pelajari bahawa Roh Kudus memberikan kepastian akan keselamatan kita, membantu kita untuk memahami Firman Allah, serta berdoa syafaat untuk kita. Dia juga membantu kita dalam pelbagai hal, bahkan perkara-perkara yang mungkin tidak kita sedari.

## **6. Dia Menguduskan kita**

Roh Kudus sentiasa bekerja agar kita semakin menyerupai Yesus Kristus dari segi karakter. Proses transformasi ini dipanggil pengudusan. Roh Kudus menghasilkan buah Roh di dalam setiap orang percaya. Penyerahan diri kita kepada kerja transformasi-Nya akan lebih memajukan proses tersebut.



<sup>22</sup>Sebaliknya, inilah hasilnya jika orang dipimpin oleh Roh Allah:

Mereka saling mengasihi, bersukacita, hidup rukun, sabar, berbudi, baik hati, setia, <sup>23</sup>rendah hati, dan dapat mengawal diri. Tidak ada hukum yang melarang perkara-perkara seperti itu. (Gal 5:22,23)

Baca Galatia 5:22,23. Sila ambil perhatian bahawa “buah” ialah kata tunggal, iaitu satu buah dari watak sempurna karakter Yesus Kristus.

*Kasih*  
Ulangan 10:17  
Kasihlah TUHAN Allahmu dengan segenap hatimu,  
dan dengan segenap jiwamu, dan dengan segenap kekuatanmu

Markus 10:21  
*Sukacita*  
Aku sendingal sebab itu beritahu kepadamu, dan dengan segenap hatimu, dan dengan segenap kekuatanmu

Galatia 5:22-23  
*Kebaikan*  
Tapi buah Roh ialah kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri.

Romans 15:13  
*Damai sejahtera*  
Tuhan menampakkan segala-Nya kepadamu dan memberi engkau damai sejahtera

Romans 12:10  
*Kesetiaan*  
saling bersikap sayang, seperti kasih Kristus

1 Korintus 13:4-7  
*Kesabaran*  
Sabar menanggung segala sesuatu.

1 Timotius 4:10  
*Kelemahlembutan*  
keperluan kesetiaan, damai, kesetiaan, kasih, kesabaran dan kelemahlembutan

Markus 10:19  
*Kemurahan*  
Kasihlah dan kemurahanlah kedua-duanya terhadapmu, seperti terhadapmu.

Amos 5:24  
*Penguasaan Diri*  
Orang yang tak dapat mengendalikannya, diri adalah seperti kita yang telah berakhlak.

**BUAH ROH**

KASIH  
SUKACITA  
DAMAI SEJAHTERA  
KESABARAN  
KEMURAHAN  
KEBAIKAN  
KESETIAAN  
KELEMAHLEMBUTAN  
PENGUSAAN DIRI



**KARAKTER KRISTUS**

## 7. Dia Memenuhi Kita

“Lakukanlah semuanya sambil berdoa untuk meminta pertolongan daripada Allah. Berdoalah sentiasa, sebagaimana Roh Allah memimpin kamu. Oleh itu, bersiap sedia dan janganlah menyerah. Berdoalah sentiasa untuk semua umat Allah.” (Ef 6:18)

Efesus 6:18 menyeru umat Allah untuk dipenuhi dengan (dikuasai dan diperkasakan oleh) Roh Kudus. Kata kerja “dipenuhi” di sini merujuk kepada maksud ‘sentiasa dipenuhi’, dan bukannya sekali sahaja dalam hidup. Apabila Roh Kudus hidup di dalam umat Allah, Dia akan memastikan mereka mengalami kehidupan yang konsisten dengan kehidupan Tuhan Yesus Kristus.

## 8. *Dia Memberi Kita Kurnia Rohani*

“Setiap orang daripada kamu sudah menerima kurnia yang berlainan daripada Allah. Oleh itu sebagai pengurus yang baik bagi kurnia Allah, kamu mesti menggunakan kurnia-kurnia itu untuk kepentingan semua orang.” (1 Ptr 4:10)

Kurnia rohani merupakan suatu kebolehan khas yang diberikan oleh Allah kepada kita untuk menolong orang lain. 1 Petrus 4:10 menyakinkan umat Allah bahawa setiap orang mempunyai sekurang-kurangnya satu kurnia rohani. Akan tetapi semua kebolehan ini perlu ditemui dan dilatih menerusi doa dan latihan di dalam komuniti umat Allah. Tujuan kurnia rohani ini adalah untuk membangunkan tubuh Kristus. (Kita akan membincangkan hal ini dalam buku Kepengurusan nanti)

---


## Soalan Untuk Perbincangan

1. Ada orang yang berkata sekiranya Roh Kudus dihentikan secara tiba-tiba pada hari ini, 90% daripada aktiviti-aktiviti di gereja akan tetap berjalan. Apakah pandangan anda terhadap pernyataan ini?
  
2. Apakah pengalaman peribadi anda tentang transformasi karakter semasa anda menjadi seorang Kristian, iaitu semasa Roh Kudus datang ke dalam kehidupan anda?
  
3. Di manakah anda boleh memperoleh pengajaran mengenai Roh Kudus dan pekerjaan-Nya?

4. Amat dikesalkan kadang kala pekerjaan Roh Kudus tidak dititik-beratkan di dalam gereja. Adakah pernyataan ini benar tentang gereja anda?
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
5. Kadang kala Roh Kudus lebih dititik-beratkan daripada Yesus dan Allah Bapa di dalam gereja. Apakah pandangan anda terhadap pernyataan ini?
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
6. Apakah tiga pengajaran utama mengenai Roh Kudus yang anda ingin sampaikan kepada seorang Kristian lain setelah mempelajari tentang-Nya di dalam buku ini?

NOTA

---



NOTA

---

NOTA

---

NOTA

---